PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah terus stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) tidak berubah pada 2.75% pada suku pertama 2011. Pada 5 Mei 2011, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.00 peratus selaras dengan tahap dasar monetari yang akomodatif. Pada kadar OPR semasa, pendirian dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan.

Kadar antara bank semalaman purata adalah stabil, bergerak dalam julat 2.67% hingga 2.75% pada tempoh 1 Januari – 31 Mac 2011. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga stabil.

Dari segi kadar deposit runcit, kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Pada akhir bulan Mac, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan masing-masing adalah antara 2.71% hingga 2.98%.

Kadar pinjaman runcit juga stabil pada suku tersebut. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.27%. Kadar pinjaman purata bagi pinjaman terkumpul juga stabil pada 5.06% (akhir bulan Disember: 5.05%).

Kadar Faedah

	2010		2011
	S1	S4	S1
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	2.25	2.75	2.75
Kadar antara bank			
Semalaman	2.18	2.72	2.74
1 bulan	2.35	2.83	2.79
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	5.76	6.27	6.27
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	4.96	5.05	5.06
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	2.28	2.74	2.74
12 bulan	2.67	2.97	2.98

Sumber: Bank Negara Malaysia

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Purata bagi tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

M3 terus berkembang

Agregat monetari terus berkembang pada kadar yang mampan pada suku pertama 2011. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM28.2 bilion pada suku tersebut. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 14% pada akhir bulan Mac 2011 (akhir bulan Disember 2010: 11.7%). Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih cepat iaitu 8.2% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2010: 7.0%), dan meningkat sebanyak RM27.3 bilion daripada suku sebelumnya.

Peningkatan M3 pada suku pertama disokong terutamanya oleh aliran masuk asing bersih, mencerminkan aliran masuk portfolio yang lebih tinggi dan lebihan perdagangan luar negeri Malaysia. Wang secara luas juga berkembang disebabkan oleh pemberian kredit yang lebih tinggi kepada sektor swasta oleh sistem perbankan. Sektor swasta menambah pemegangan sekuriti hutang Bank Negara Malaysia, yang dibeli daripada institusi perbankan. Ambilan deposit bagi membiayai pembelian sekuriti ini telah memberikan kesan penguncupan terhadap M3, dan dicatat di bawah kategori *pengaruh lain* dalam statistik monetari.

Bank menaikkan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement ratio, SRR) sebanyak 100 mata asas pada bulan Mac dan 100 mata asas lagi pada bulan Mei 2011. Peralihan secara besar-besaran dalam mudah tunai global telah menyebabkan aliran modal yang besar ke dalam ekonomi sedang pesat membangun, termasuk Malaysia. Lantaran itu, keputusan untuk menaikkan SRR diambil adalah sebagai langkah awalan untuk menguruskan risiko peningkatan mudah tunai yang mendorong aktiviti pemberian pinjaman dan pengambilan risiko secara berlebihan, yang boleh mengakibatkan pengumpulan ketidakseimbangan kewangan.

Penentu-Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh			
	2010			2011
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
M3	**14.5**	**30.5**	**71.7**	**27.3**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-2.4	-3.4	-8.1	-3.7
Tuntutan terhadap sektor swasta	16.7	29.1	84.9	22.9
Pinjaman	*19.7*	*28.6*	*92.0*	*26.5*
Sekuriti	*-3.1*	*0.5*	*-7.1*	*-3.7*
Aset asing bersih[1]	11.6	15.9	64.3	25.2
BNM	*1.3*	*17.1*	*30.8*	*15.8*
Sistem Perbankan	*10.3*	*-1.2*	*33.6*	*9.3*
Pengaruh lain	*-11.4*	-11.2	-69.4	-17.0

[1] Sebelum penilaian semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	S1 10	S4 10	2010	S1 11	S1 10	S4 10	2010	S1 11
Jumlah pembiayaan kasar	**189.8**	**221.0**	**803.6**	**202.0**	**20.5**	**2.1**	**8.7**	**6.4**
Pengeluaran pinjaman	174.3	188.9	724.6	188.6	17.6	1.0	10.2	8.2
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	4.4	17.4	46.9	12.2	-50.8	5.9	-16.4	174.8
Ekuiti	11.0	14.7	32.1	1.1	7,530.8	12.0	23.4	-89.8
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**18.6**	**37.8**	**120.5**	**33.4**	**9.4**	**11.3**	**11.3**	**12.5**
Sistem perbankan	19.3	29.5	101.0	25.9	8.5	11.9	11.9	12.4
Baki pinjaman (A)	*22.2*	*29.1*	*99.8*	*28.8*	*9.8*	*12.7*	*12.7*	*13.2*
Pemegangan PDS	*-2.9*	*0.4*	*1.2*	*-2.9*	*-6.5*	*2.0*	*2.0*	*2.1*
PDS terkumpul (B)	-3.6	8.7	20.8	4.6	8.4	7.4	7.4	10.5
Memoranda								
PDS kasar (termasuk Cagamas)	4.7	18.3	52.1	12.2	-49.5	11.4	-11.0	161.3

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pembiayaan sektor swasta kekal kukuh pada suku pertama

Keadaan pembiayaan pada suku pertama terus menyokong aktiviti ekonomi. Akses yang berterusan kepada pembiayaan, kos peminjaman yang agak rendah dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem kewangan menyokong permintaan terhadap pembiayaan oleh sektor swasta. Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal mampan pada RM202 bilion pada suku pertama (S4 10: RM221 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 12.5% pada akhir bulan Mac (S4 10: 11.3%).

Penunjuk pinjaman utama kekal teguh pada suku pertama. Walaupun permohonan dan kelulusan pinjaman menjadi sederhana pada bulan Februari berikutan jumlah hari bekerja yang kurang sedikit disebabkan oleh cuti perayaan Tahun Baharu Cina, aktiviti tersebut kembali meningkat dengan nyata pada bulan Mac. Dalam sektor perniagaan, pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi mencerminkan terutamanya peningkatan keperluan modal kerja oleh syarikat dalam sektor *perkilangan; pertanian dan perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel*. Permintaan terhadap pembiayaan baharu kekal pada paras tinggi dengan permohonan yang lebih tinggi daripada sektor *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; pendidikan, kesihatan dan lain-lain; harta tanah* dan *perkilangan*. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat 10.9% pada akhir bulan Mac (S4 10: 9.4%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	S1 10	S4 10	2010	S1 11	S1 10	S4 10	2010	S1 11
Jumlah								
Permohonan pinjaman	132.9	173.5	641.3	168.5	23.5	22.9	23.0	26.8
Kelulusan pinjaman	70.1	91.8	343.4	87.6	20.8	14.1	19.7	25.0
Pengeluaran pinjaman	174.3	188.9	724.6	188.6	17.6	1.0	10.2	8.2
Bayaran balik pinjaman	154.5	167.9	649.3	168.1	11.8	3.4	9.1	8.8
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	22.2	29.1	99.8	28.8	9.8	12.7	12.7	13.2
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman	60.0	82.1	298.4	79.6	15.3	34.1	25.5	32.6
Kelulusan pinjaman	29.3	43.4	159.3	38.9	12.2	17.0	24.7	32.8
Pengeluaran pinjaman	117.2	124.6	483.2	122.1	16.1	-1.2	9.8	4.2
Bayaran balik pinjaman	105.3	113.0	443.1	109.8	12.4	0.2	8.8	4.3
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	5.9	13.4	28.5	11.3	5.4	9.4	9.4	10.9
PKS**								
Permohonan pinjaman	27.9	34.2	128.3	37.7	38.1	14.9	22.7	35.0
Kelulusan pinjaman	12.9	14.4	57.8	16.4	45.6	13.5	27.7	27.3
Pengeluaran pinjaman	35.5	39.8	147.2	41.6	2.3	4.0	2.7	17.3
Bayaran balik pinjaman	33.4	37.4	137.2	37.2	3.6	7.3	3.8	11.4
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	3.4	3.5	3.0	3.4	9.1	2.4	2.4	2.4
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	32.1	47.9	170.1	41.9	0.8	52.3	27.7	30.5
Kelulusan pinjaman	16.4	29.0	101.5	22.2	-5.0	18.9	23.1	37.1
Pengeluaran pinjaman	81.7	84.8	336.0	80.4	23.4	-3.4	13.2	-1.5
Bayaran balik pinjaman	71.8	75.6	306.0	72.6	17.1	-3.0	11.2	1.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	2.5	18.1	25.5	7.9	3.0	14.2	14.2	17.0
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	72.8	91.4	342.9	88.9	31.3	14.3	20.9	22.0
Kelulusan pinjaman	40.8	48.3	184.1	48.8	27.8	11.5	15.6	19.4
Pengeluaran pinjaman	57.2	64.3	241.4	66.6	20.6	5.6	11.1	16.4
Bayaran balik pinjaman	49.3	54.9	206.2	58.3	10.6	10.6	9.8	18.4
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	13.8	14.2	57.9	14.8	11.7	13.4	13.4	13.2

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
**Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Baki pinjaman
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	S1 10	S4 10	2010	S1 11		
	(RM bilion)				(%)	
Perusahaan perniagaan	**117.2**	**124.6**	**483.2**	**122.1**	**64.7**	**44.7**
Syarikat besar	*81.7*	*84.8*	*336.0*	*80.4*	*42.6*	*30.3*
*PKS**	*35.5*	*39.8*	*147.2*	*41.6*	*22.1*	*14.4*
Sektor terpilih						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	9.2	5.3	24.6	5.6	3.0	2.2
Perlombongan dan kuari	0.8	1.2	3.5	1.1	0.6	0.4
Perkilangan	33.4	36.8	144.0	41.2	21.9	9.5
Pembinaan	9.2	11.9	42.8	10.3	5.4	4.2
Harta tanah	5.2	7.5	23.7	6.4	3.4	4.4
Bekalan elektrik, gas dan air	0.8	2.6	5.3	1.5	0.8	1.4
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	28.0	30.9	122.8	30.8	16.3	7.3
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	5.4	4.3	19.7	4.4	2.3	2.9
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	13.5	17.8	59.5	14.9	7.9	7.3
Isi rumah	**57.2**	**64.3**	**241.4**	**66.6**	**35.3**	**55.3**
Pembelian harta kediaman	14.9	15.1	57.8	15.0	8.0	25.5
Kredit penggunaan	33.4	39.9	149.4	40.1	21.3	20.4
Antaranya:						
Kad kredit	*18.4*	*23.4*	*83.1*	23.3	12.3	3.2
Pembelian kereta penumpang	*8.8*	*9.1*	*37.2*	*8.9*	*4.7*	*12.3*
Lain-lain	8.9	9.3	34.1	*11.4*	*6.1*	*9.4*
Jumlah	**174.3**	**188.9**	**724.6**	**188.6**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan kepada sektor isi rumah juga terus kukuh. Permintaan terhadap pinjaman adalah terutamanya untuk *pembelian sekuriti, kereta penumpang dan kegunaan peribadi*. Pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah turut meningkat pada suku pertama. Dengan itu, pinjaman isi rumah terkumpul berkembang sebanyak RM14.8 bilion pada suku pertama dan meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 13.2% pada akhir bulan Mac (S4 10: 13.4%).

Aktiviti pemerolehan dana kekal kukuh dalam pasaran modal

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal pada suku pertama berjumlah RM29.7 bilion (S4 10: RM30.5 bilion). Sebahagian besar dana diperoleh sektor awam (RM24.6 bilion) melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10.5 tahun dan 3.5 tahun dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 7.5 tahun dan 3.5 tahun serta pembukaan semula MGS 5.5 tahun.

Dalam sektor swasta, aktiviti perolehan dana tertumpu pada pasaran bon. Dana kasar yang diperoleh melalui terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terus kukuh pada RM12.2 bilion (S4 10: RM18.3 bilion). Terbitan sebahagian besarnya dilaksanakan oleh syarikat dalam sektor kewangan dan utiliti dan Syarikat Tujuan Khas (Special Purpose Vehicle, SPV) Kerajaan. Sama seperti suku sebelumnya, dana digunakan terutamanya untuk pembiayaan semula dan tujuan lain. Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh melalui sekuriti hutang berjumlah RM4.0 bilion (S4 10: RM8.7 bilion). Sementara itu, dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti berjumlah RM1.1 bilion. Dana diperoleh melalui tawaran awam awal dan juga terbitan hak. Secara keseluruhan, dana bersih yang diperoleh dalam sektor swasta berjumlah RM5.1 bilion pada suku pertama.

Kadar hasil meningkat berikutan inflasi yang lebih tinggi dan jangkaan terhadap pelarasan kadar dasar

Kadar hasil MGS pada suku pertama meningkat, disebabkan terutamanya oleh jangkaan inflasi yang lebih tinggi berikutan kenaikan harga makanan dan bahan api global. Menjelang penghujung suku tersebut, kadar hasil mengalami tekanan menaik tambahan yang disebabkan oleh jangkaan dalam kalangan peserta pasaran tentang OPR yang bakal mengalami pelarasan. Peningkatan ini berlaku secara menyeluruh, dengan tanda aras MGS 3 tahun, 5 tahun and 10 tahun masing-masing mencatat kenaikan 35, 27 dan 6 mata asas.

Dalam pasaran PDS, kadar hasil bagi bon korporat turut bertambah sejajar dengan peningkatan kadar hasil tanda aras. Kertas penarafan AAA dan AA 5 tahun masing-masing

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2010			2011
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Oleh Sektor Awam	**15.5**	**7.1**	**37.0**	**24.6**
Sekuriti kerajaan, *bersih*	15.6	7.1	34.9	24.6
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*12.6*	*6.6*	*37.7*	*15.1*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*6.5*	*3.0*	*21.0*	*9.5*
Tolak: Penebusan	*3.5*	*2.5*	*23.9*	-
Bon Khazanah, *bersih*	-	-	-	-
Bon Simpanan, *bersih*	(0.1)	(0.1)	2.2	(0.1)
Oleh Sektor Swasta	**7.1**	**23.4**	**50.5**	**5.1**
Saham	11.0	14.7	32.1	1.1
Sekuriti hutang, *bersih*	(3.9)	8.7	18.4	4.0
Sekuriti Hutang Swasta	*4.7*	*18.3*	*52.1*	*12.2*
Tolak: Penebusan	*8.6*	*9.6*	*33.8*	*8.2*
Jumlah	**22.6**	**30.5**	**87.5**	**29.7**

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas
* Termasuk modal kerja dan aktiviti perniagaan am

Sumber: Bank Negara Malaysia

Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Korporat 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

mencatat kenaikan sebanyak 3.9 dan 1.2 mata asas. Walau bagaimanapun, kertas penarafan A 5 tahun mencatat penurunan kecil sebanyak 1.5 mata asas, mencerminkan keadaan kredit yang bertambah baik dalam segmen pasaran PDS yang lebih rendah disebabkan oleh prospek ekonomi yang lebih cerah.

Urus niaga sekunder bertambah dalam pasaran bon

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat dengan ketara kepada RM222 bilion pada suku pertama (S4 10: RM158 bilion). Urus niaga dalam segmen MGS adalah paling aktif, dengan nisbah mudah tunai yang lebih kukuh iaitu 0.67 (S4 10: 0.43). Nisbah mudah tunai bagi segmen PDS pula tidak berubah pada 0.07 manakala nisbah bagi segmen GII menurun kepada 0.24.

KLCI terus meningkat

FBM KLCI meningkat 26.2 mata untuk ditutup pada suku pertama pada 1,545.1 mata (akhir S4 10: 1518.9 mata). Walau bagaimanapun, prestasi KLCI pada suku pertama tidak sekukuh suku sebelumnya (+1.7% berbanding dengan +3.8%), mencerminkan trend yang secara amnya sama seperti trend dalam pasaran global dan serantau, disebabkan oleh aktiviti penghindaran risiko yang lebih tinggi akibat pergolakan di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara serta gempa bumi di Jepun. Walau

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada Tahun 2011 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2010						2011	
	S1		S4		Tahun		S1	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	61.7	90.4	79.1	124.2	266.0	413.0	102.1	131.8
Antaranya:								
Papan Utama	52.4	88.1	65.7	121.1	225.5	403.0	84.1	128.4
Antaranya								
Produk Pengguna	2.8	3.7	3.6	5.5	15.3	19.3	4.0	5.4
Produk Industri	12.4	14.1	15.4	22.7	47.6	58.9	18.8	21.2
Pembinaan	3.1	4.9	4.5	8.7	16.4	29.0	4.6	9.0
Dagangan/Khidmat	16.1	28.8	19.3	40.0	68.2	140.2	33.5	46.2
Kewangan	4.2	20.8	4.6	22.7	17.7	86.2	4.4	24.6
Harta Benda	6.4	3.9	11.5	8.8	33.1	21.6	12.8	9.6
Perladangan	1.5	6.4	2.3	7.9	6.1	25.5	12.4	8.2
Infrastruktur	1.1	1.7	1.7	2.4	5.8	8.9	1.1	2.4
Papan Kedua[1]	-	-	-	-	-	-	-	-
Mesdaq[2]	5.4	1.2	5.6	1.3	20.3	3.9	8.3	1.2

[1] Mulai 3 Ogos 2009, FTSE Papan Kedua telah digabungkan dengan Papan Utama dan dinamakan Pasaran Utama
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

bagaimanapun, keyakinan terhadap pasaran dalam negeri telah disokong oleh data ekonomi yang menggalakkan selain pengumuman tentang cadangan pelaksanaan Projek Permulaan (Entry Point Projects, EPP). Selain itu, perolehan korporat AS yang kukuh juga membantu meningkatkan sentimen pelabur di seluruh dunia. Permodalan pasaran meningkat kepada RM1.31 trilion pada akhir bulan Mac 2011 (S4 10: RM1.28 trilion), manakala urus niaga purata harian pada suku tersebut meningkat dengan ketara kepada 1.73 bilion unit (S4 10: 1.28 bilion unit).

Pada 13 Mei 2011, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,540.7 mata (sejak akhir tahun 2010: +1.4%) dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.30 trilion (sejak akhir tahun 2010: +2.9%).

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2010			2011
	Pada akhir			
	Mac	Dis	Tahun	Mac
Indeks harga				
Komposit	1,320.6	1,518.9	1,518.9	1,545.1
FBMEMAS[1]	8,957.2	10,375.0	10,375.0	10,612.5
FTSE Papan Kedua[2]	-	-	-	-
Pasaran ACE[3]	4,209.0	4,347.6	4,374.6	4,333.5
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,061.1	1,275.3	1,275.3	1,311.0
Bilangan syarikat yang disenaraikan	961	957	957	954
	Pada tempoh suku			
	S1	S4	Tahun	S1
Urus niaga harian purata				
Jumlah (juta unit)	1,046.6	1,276.5	1,021.2	1,730.1
Nilai (RM juta)	1,532.4	2,002.5	1,573.9	2,233.9

[1] FBMEMAS mewakili indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, FTSE Papan Kedua telah digabungkan dengan Papan Utama dan dinamakan Pasaran Utama
[3] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Prestasi ringgit bercampur-campur berbanding mata wang utama

Bagi keseluruhan suku pertama, ringgit telah menambah nilai sebanyak 1.9% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS). Prospek pertumbuhan yang positif di Asia berbanding dengan ekonomi maju telah mendorong minat pelabur terhadap ekonomi serantau, yang terus menyokong ringgit dan mata wang serantau lain. Pertumbuhan KDNK Malaysia pada suku keempat, yang lebih baik daripada jangkaan, juga mendorong pengukuhan ringgit. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit bertambah kukuh berbanding dengan yen Jepun (3.5%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan euro (-4.6%) dan paun sterling (-1.8%). Ringgit pada mulanya bertambah kukuh berbanding dengan yen Jepun disebabkan oleh gempa bumi di Jepun pada 11 Mac 2011, tetapi kemudiannya menyusut nilai berikutan pengumuman G7 mengenai campur tangan bersama untuk menstabilkan yen Jepun.

Euro bertambah kukuh berbanding dengan kebanyakan mata wang utama pada suku tersebut berikutan jangkaan kenaikan kadar faedah oleh European Central Bank. Berbanding dengan mata wang serantau pula, ringgit menambah nilai berbanding dengan baht Thailand (2.3%), peso Filipina (1.1%) dan renminbi China (1.0%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan won Korea (-1.4%), rupiah Indonesia (-1.1%) dan dolar Singapura (-0.6%).

Pada tempoh antara 1 April hingga 16 Mei 2011, ringgit menyusut nilai sebanyak 0.4% berbanding dengan dolar AS. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-2.4%), euro (-0.1%) dan paun sterling (-0.9%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menyusut nilai dalam julat -0.4% hingga -2.0% disebabkan oleh faktor khusus di negara-negara lain yang menyebabkan mata wang di negara-negara tersebut menambah nilai dengan lebih cepat berbanding dengan ringgit.

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan
(1 Januari - 31 Mac 2011)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S1 10	S4 10	S1 11	21 Jul 05	S1 10	S4 10
Dolar AS	3.8000	3.2730	3.0835	3.0259	25.6	8.2	1.9
Euro	4.6212	4.3850	4.0804	4.2762	8.1	2.5	-4.6
Paun sterling	6.6270	4.9326	4.7817	4.8687	36.1	1.3	-1.8
100 yen Jepun	3.3745	3.5017	3.7869	3.6602	-7.8	-4.3	3.5
Dolar Singapura	2.2570	2.3354	2.3859	2.3994	-5.9	-2.7	-0.6
100 baht Thailand	9.0681	10.111	10.227	9.9947	-9.3	1.2	2.3
100 peso Filipina	6.8131	7.2236	7.0400	6.9637	-2.2	3.7	1.1
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0359	0.0344	0.0347	11.2	3.4	-1.1
100 won Korea	0.3665	0.2889	0.2707	0.2747	33.4	5.2	-1.4
Renminbi China	0.4591	0.4795	0.4662	0.4617	-0.6	3.9	1.0

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia